

KERATAN AKHBAR

TARIKH	: 1 JUN 2023
AKHBAR	: BERITA HARIAN
MUKA SURAT	: 28

Kerajaan yakin prospek pertumbuhan ekonomi

Bisnes

1 Jun 2023
bhbiz@nsp.com.my

ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Kerajaan yakin prospek pertumbuhan ekonomi

Malaysia kekal berhati-hati perkembangan luaran tidak menentu

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kerajaan akan kekal berhati-hati dengan perkembangan luaran yang tidak menentu, namun optimis dengan prospek pertumbuhan keseluruhan dan jangka panjang ekonomi negara, menturut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, ketidaktentuan luaran ketika ini terutama berikutan isi persepsi menengah had siling hutang kerajaan Amerika Syarikat (AS) menjajaskan prestasi ringgit berbanding dolar AS.

Namun, beliau tidak melihat situasi membatikan had hutang AS akan berpanjangan terlalu lama dan itu perlu diselesaikan oleh kerajaan AS.

"Pandangan saya, seperti yang saya ulang berkali-kali, ada perka-ra yang di luar kawalan kita dan ada perkara dalam kawalan kita dalam kita menguruskan ekonomi. Yang penting adalah kita ambil perspektif keseluruhan mengenai prestasi ekonomi."

Prestasi keseluruhan kita termasuk dari segi perkembangan dan pertumbuhan ekonomi dari suku ke suku dan prestasi inflasi.

"Pertumbuhan ekonomi pada suku pertama sebanyak 5.6 peratus dan lebih baik daripada jangkaan. Inflasi juga turun selama 11 bulan berturut-turut dan pada April ia turun kepada 3.3 peratus. Kami yakin ia (inflasi) akan turun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pasca mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemudah-cara Perniagaan (PEMUDAH) di Putrajaya, semalam.

Rafizi juga tidak menolak bahawa negara tidak akan terlepas dari tekanan kurang inflasi.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata kerajaan berharap tekanan terhadap ringgit berbanding dolar AS ketika ini dapat dikurangkan apabila itu membabitkan siling hutang kerajaan AS dapat diselesaikan dalam tempoh beberapa hari akan datang.

Beliau berkata, berita terkini melaporkan bahawa kerajaan AS cuba untuk menyelesaikan itu siling hutang negara itu secepat mungkin.

Katanya, Presiden AS, Joe Biden ada menyebut bahawa pen-

daripada terkena tempas ketidaktentuan luaran dari semasa ke semasa.

Justeru, beliau berkata, adalah lebih baik melihat kepada perspektif keseluruhan dan jangka panjang ekonomi.

Katanya, apabila ketidaktentuan di AS reda, pasaran akan menjadi normal, sekali gus akan mencerminkan asas ekonomi negara.

Harap tekanan kurang

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata kerajaan berharap tekanan terhadap ringgit berbanding dolar AS ketika ini dapat dikurangkan apabila itu membabitkan siling hutang kerajaan AS dapat diselesaikan dalam tempoh beberapa hari lagi.

tadbirannya cuba menyelesaikan perkara ini sebelum 5 Jun ini, iaitu tinggal beberapa hari sahaja lagi.

"Kita harap apabila perkara ini selesai maka ringgit, tidak seperti apa yang berlaku pada hari ini. Saya tidak boleh berbicara lebih daripada itu, kita tunggu perkembangan lima ke enam hari lagi, supaya apa yang

berlaku di AS dapat diselesaikan secepat mungkin.

"Apa yang disebutkan oleh Pengurus SC (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia) dalam mesyuarat bersama saya tadi (semalam), sekarang ini, pelabur dan mereka terbabit dalam perniagaan memegang dolar AS apabila berlaku 'stalemate' (kebuntuan) mengenai siling hutang di AS.

"Namun apabila siling hutang itu boleh ditingkatkan, maka pegangan dan permintaan terhadap dolar AS akan berkurangan, menyebabkan tukarans asing antara ringgit dan dolar AS akan berkurangan sekali gus melegakan tekanan terhadap ringgit. Kita harap begitu dalam lima hari dari sekarang," katanya pada sidang media sempena lawatan rasmi ke SC di Kuala Lumpur, semalam.

Menurut laporan media antarabangsa, siling hutang AS telah dilanjutkan ke tarikh akhir baharu pada 5 Jun ini sebelum negara itu berdepan kemelut kebiasaan wang jika had hutang tidak dinaikkan.

**Rafizi Ramli,
Menteri Ekonomi**